

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA**
KAWASAN : **BATU**
TARIKH : **25 JULAI 2017**
NO. SOALAN : **88**

SOALAN

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan beberapa penganalisis mengatakan pelaburan China dalam projek Melaka Gateway bukan sahaja untuk pulangan ekonomi tetapi untuk memajukan tentera laut di Selat Melaka. Apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan ini tidak berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertanggungjawab mengenai pelaburan dalam sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2016, jumlah pelaburan yang diluluskan dari negara China dalam sektor pembuatan berjumlah RM4.7 bilion. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka menjana 10,147 peluang pekerjaan. Pelaburan yang diluluskan dari negara China merupakan pelaburan langsung asing yang terbesar bagi tempoh ini. Daripada jumlah pelaburan

ini, sektor industri barangan elektronik dan elektrik mencatatkan pelaburan langsung asing yang tertinggi dari negara China iaitu sejumlah RM1.8 bilion, diikuti dengan industri barangan galian bukan logam (RM1.4 bilion) dan industri barangan logam asas (RM1.3 bilion).

2. Setakat 31 Disember 2016, jumlah pelaburan secara akumulatif dari negara China yang telah **direalisasikan** dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM14.2 bilion. Pelaburan ini melibatkan 220 projek dan telah menjana 33,020 peluang pekerjaan. Pelaburan yang telah direalisasikan tersebut berada di kedudukan kesembilan setakat 2016.

3. Di samping penglibatan syarikat-syarikat dari China dalam sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan, syarikat-syarikat dari negara China turut melabur dalam projek-projek infrastruktur di Malaysia. Kerajaan menggalakkan usahasama dan penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan sektor swasta dalam projek-projek pembangunan bagi merancakkan ekonomi negara, seterusnya memberi peluang dan membangunkan rantaian bekalan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tempatan. Salah satu projek ikonik yang melibatkan pelaburan China adalah pembangunan *Melaka Gateway*.

4. Projek *Melaka Gateway* telah disenaraikan sebagai *Entry Point Project* (EPP) melibatkan pembangunan *mixed development* yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti pelbagai seperti pelancongan, pusat & kompleks perniagaan, pelabuhan laut dalam dan kawasan industri maritim berteknologi tinggi. Projek ini akan dibangunkan secara bersama oleh syarikat KAJ Development Sdn. Bhd. yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan syarikat Power China International Group Limited di atas tanah yang ditambah (seluas 1,359 ekar) dan merangkumi 4 buah

pulau. Nilai pembangunan kasar (GDV) projek dianggarkan berjumlah RM64 bilion dan dijangka menarik 2.5 juta pelancong setahun ke Melaka serta membuka kira-kira 45,000 peluang pekerjaan. Pembangunan projek Melaka Gateway ini diselaraskan oleh **Kerajaan Negeri Melaka**. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia telah menubuhkan Sekretariat Kebangsaan Inisiatif *Belt and Road* akan turut memantau perkembangan projek Melaka Gateway.

5. Empat buah pulau yang sedang dibangunkan di Melaka Gateway terdiri daripada:

- (i) **Pulau 1 & Pulau 2** bagi pembangunan *Melaka International Cruise Terminal* jeti kapal percutian, kapal layar dan feri, pusat membeli belah, kondominium & pangsapuri, perhotelan, Melaka Eye (*Ferris Wheel*) dan pusat kesihatan dan pendidikan;
- (ii) **Pulau 3** pula merupakan pelabuhan laut dalam (*deep sea port*) yang menawarkan perkhidmatan terminal kargo cecair dan pelabuhan laut dalam; dan
- (iii) **Pulau 4** dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Maritim (*Maritime Industrial Park*). Antara industri-industri yang akan beroperasi ialah kejuruteraan marin & pembuatan, terminal kontena & logistik pelabuhan dan pembinaan & pembaikan kapal.

6. Penyertaan syarikat China dalam projek Melaka Gateway hanya terhad kepada spesifikasi yang telah diperincikan di atas yang hanya melibatkan aktiviti-aktiviti komersil. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka juga tidak pernah memberi kelulusan kepada Kerajaan

China untuk menggunakan Melaka Gateway atau perairannya bagi tujuan memajukan tentera laut di Selat Melaka. Konsultasi-konsultasi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China yang diadakan secara berkala akan dapat mengatasi sebarang cabaran menerusi hubungan diplomatik sedia ada.

7. Tambahan pula, Kementerian Pertahanan juga sentiasa mengikuti secara dekat perkembangan projek Melaka Gateway termasuk peluang dan implikasi projek ini. Untuk makluman, pergerakan keluar masuk kapal-kapal tentera laut negara asing ke perairan dan pelabuhan negara tertakluk kepada kelulusan kerajaan. Walaupun kemudahan himpitan dan pelabuhan dibangunkan oleh syarikat dari China, ia tidak akan memberikan sebarang keistimewaan atau pengecualian yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan Negara.

Sekian, terima kasih.